

30/11/2001

Usman Awang selamat dikebumikan

Salbiah Ani

PETALING JAYA, Khamis - Jenazah Sasterawan Negara (SN), Datuk Dr Usman Awang, (gambar) yang meninggal dunia di Pusat Perubatan Pantai di sini awal pagi ini, dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Bukit Kiara, selepas Zuhur.

Usman, 72, yang menghidap kencing manis, jantung dan masalah buah pinggang, menghembuskan nafas terakhir pada jam 12.35 pagi ini. Allahyarham dimasukkan ke pusat rawatan itu malam tadi selepas mengalami cirit-birit.

Beliau, yang terkenal dengan nama pena Tongkat Warrant, meninggalkan empat anak, Haslina, 47; Iskandar, 42; Mohd Yassin, 40; dan Mayawati, 29; serta tujuh cucu.

Beliau juga mempunyai seorang anak bernama Ayu, hasil perkahwinannya dengan Faridah Fong Chui Lin dan kedua-duanya kini menetap di Amerika Syarikat.

Haslina berkata, ayahnya dihantar ke pusat perubatan itu pada jam 7.30 malam tadi sejurus selepas berbuka puasa.

"Beliau pulih sebaik menerima rawatan, tetapi mengalami komplikasi selepas itu hingga terpaksa dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi (ICU) dan meninggal dunia pada jam 12.35 malam," katanya ketika ditemui di rumah Allahyarham di sini, hari ini.

Antara tokoh yang menziarahi jenazah Allahyarham di rumahnya ialah rakan sasterawan negara, Prof Dr Muhammad Salleh dan Datuk Samad Said; Said Zahari, Datuk Baharuddin Zainal, Datuk Kirk Choo Ting, Prof Dr Jomo KS dan Prof Emeritus Tan Sri Ismail Hussein.

Usman, yang terkenal dengan puisi kemanusiannya menerima Anugerah Sea Write pada 1982, Anugerah Sasterawan Negara (1983) dan Anugerah Tokoh Perikatan Persuratan Melayu (2001).

Antara sajak Allahyarham yang terkenal ialah Duri dan Api, Ke Makam Bonda, Bunga Popi dan Salam Benua, manakala karya terakhirnya ialah antologi sajak berjudul Dari Derita Bangsa.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali dalam ucapan takziah kepada keluarga Allahyarham, berharap semua ahli keluarganya bersabar.

"Kami sekeluarga mendoakan semoga Allah mencucuri rahmat ke atas roh Allahyarham dan dihimpunkan bersama-sama orang yang soleh," katanya dalam perutusan yang dihantar kepada Haslina.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Zainuddin Maidin, berkata negara kehilangan seorang seniman agung yang kekuatannya dapat memahamkan seni yang indah dalam bahasa mudah kepada rakyat biasa.

Katanya, walaupun condong kepada haluan politik kiri, Usman tidak terikat kepada fahaman itu dalam memberikan penilaian adil dan penghormatan ke atas pemimpin dalam sajaknya.

Sahabat karib Allahyarham, Dr Syed Hussin Ali, berkata tiada sasterawan yang mampu menandingi ketrampilan Usman dari segi penggunaan bahasa dalam puisi dan drama.

"Allahyarham mempunyai kebolehan memasukkan keindahan sastera tradisi dalam karyanya sambil memberi sentuhan seni yang tinggi dengan isinya mementingkan perjuangan rakyat," katanya.

Syed Hussin yang mengenali Usman sejak 1945 ketika belajar di Universiti Malaya Singapura, menyifatkan tokoh itu sebagai teman yang mengambil berat terhadap masalah rakan-rakannya.

"Ketika saya ditahan mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), beliau bukan saja mengambil berat terhadap kebajikan keluarga saya, tetapi juga keadaan saya dalam tahanan," katanya.

Seorang lagi rakan Usman, Tan Kai Hee, berkata Allahyarham peramah, tidak sukakan penindasan, cinta kepada keamanan dan mahu menghapuskan kemiskinan.

"Usman tidak ada perasaan perkauman dan perkara ini bukan saja dapat dilihat dari segi realiti kehidupannya, tetapi juga dalam puisinya yang memuatkan nasib semua bangsa di negara ini," katanya.

Usman menjadi Presiden Persatuan Persahabatan Cina (PPC) sejak ia ditubuhkan pada 1992.

"Seluruh anggota keluarga saya dan beliau saling mengenali dan berkunjung pada musim perayaan. Saya pernah mencadangkan agar Allahyarham isterinya, Hasnah Din, membuka restoran bersama kami kerana ia tukang masak yang hebat," katanya.

Dramatis Faridah Marican dari The Actor Studio berkata, Usman ketika hayatnya suka menikmati asam pedas masakan arwah isterinya yang meninggal dunia pada 5 Februari 1999.

"Allahyarham Usman seorang yang pemurah dan pasti akan dijamu dengan masakan arwah isterinya apabila mereka berkunjung ke rumah beliau," katanya yang mula mengenali tokoh itu ketika sama-sama membaca puisi pada 1960-an di Abad Century Hotel.

Penggiat teater, Fauziah Nawati, berkata susah untuk mencari sasterawan seperti Allahyarham yang berjiwa besar dan menghasilkan karya untuk dimiliki rakyat serta mudah memberi kerjasama kepada karyawan seni.

"Allahyarham Usman memberi kebebasan kepada karyawan seni untuk memberi tafsiran kepada naskahnya, tidak takbur, tutur bahasa selembut bait puisinya dan kuat membakar semangat karyawan seni agar tidak putus asa dalam berkarya," katanya.

(END)